

BAB 5 – KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Hak asasi manusia merupakan satu keperluan asas bagi seluruh manusia tanpa mengira darjah keturunan, darah, warna kulit, jantina, umur, fahaman politik dan sebagainya. Pada prinsipnya, semua pihak telah menerima bahawa hak asasi manusia ini mesti ditunaikan kepada semua manusia, tetapi telah terbukti daripada pengalaman sejarah dan realiti yang berlaku pada hari ini bahawa hak asasi manusia telah dicabul di seluruh dunia. Pencabulan inilah yang menjadi isu kepada masyarakat antarabangsa dalam merangka peradaban pada alaf baru ini.

Peradaban manusia alaf baru telah diramalkan akan mengalami pertembungan yang hebat antara satu sama lain. Krisis hak asasi manusia telah dilihat akan menjadi salah satu faktor penolak yang akan menyebabkan berlakunya pergeseran tersebut. Ternyata krisis hak asasi manusia telah membarah dengan begitu cepat pada abad yang lalu dan akan memberikan imej baru kepada sebuah peradaban pada alaf ketiga dengan wajah peradaban tanpa kemanusiaan. Menyelami permasalahan inilah maka penulis menyimpulkan bahawa krisis hak asasi manusia merupakan satu cabaran kepada peradaban masa kini.

5.1 RUMUSAN

Hasil daripada kajian yang dikemukakan dalam bab-bab yang lalu, maka penulis membuat beberapa rumusan terhadap kajian ini. Pertama, bahawa hak asasi manusia merupakan elemen terpenting kepada sesebuah peradaban. Sebagai satu keperluan asas kepada manusia, hak asasi manusia secara langsung turut menjadi keperluan asas kepada peradaban sesuai dengan kedudukan manusia sebagai aktor utama peradaban. Kemanusiaan memainkan peranan yang besar untuk membentuk sebuah peradaban yang sempurna setelah peradaban mencapai kemajuan prasarana dan fizikal. Bahkan bagi semua peradaban, nilai kemunusiaan ini tidak disembunyikan langsung oleh nilai-nilai yang terkandung dalam ungkapan pengertian peradaban.

Kedua, masyarakat antarabangsa telahpun menyedari dan mengiktiraf hakikat kepentingan hak asasi manusia sebagai satu keperluan hidup. Kesedaran yang berlaku dalam peradaban-peradaban terdahulu di mana berlakunya kebangkitan, tuntutan dan penggubalan piagam tentang hak asasi manusia walaupun bersifat lokal atau domestik tetapi ia memberikan gambaran terhadap wujudnya kesedaran tersebut. Selepas 1945, kesedaran ini telah menjadi satu kebangkitan global di mana masyarakat antarabangsa telah membentuk satu piagam hak asasi manusia sejagat dengan kesedaran bahawa semua manusia adalah sama rata dan berhak ke atas keperluan yang sama. Hasil daripada kesedaran ini juga, menjelang akhir

abad ke-20, telah lebih 80 persidangan dan perisytiharan antarabangsa dibuat tentang hak asasi manusia.

Ketiga, bahawa hak asasi manusia telah melalui satu sejarah panjang yang pahit di mana ia telah dicabul dari masa ke masa tanpa mengira dari peradaban mana mereka berasal. Kecuali pada era keagungan Islam, pada zaman-zaman yang lain hak asasi manusia telah dinafikan daripada dinikmati oleh setiap insan. Menjelang era peradaban moden, ketika kesedaran hak asasi manusia mulai menyeluruh, pencabulan ke atas hak asasi manusia terus membarah. Pencabulan hak asasi manusia bukan lagi antara individu dengan individu tetapi antara kerajaan dengan rakyat dan antara negara dengan negara. Pada hari ini peranan untuk mencabul hak asasi manusia turut dimainkan oleh regim-regim politik dan ekonomi antarabangsa sehingga tidak ada tempat untuk manusia hidup tanpa pencabulan hak asasi manusia.

Keempat, hak asasi manusia telah mengalami pencabulan dari semua aspek sama ada hak sivil, politik, ekonomi, sosial mahupun budaya. Pencabulan hak-hak ini telah dilakukan oleh semua peradaban sama ada Barat atau bukan Barat. Barat sebagai juara hak sivil dan politik, dalam politik antarabangsa hari ini telah mencabul hak sivil dan politik negara-negara lain. Bukan Barat yang begitu mengambil berat soal keadilan ekonomi, sosial dan budaya pula secara terbuka menyekat hak sivil dan politik masyarakatnya atas alasan yang sempit. Di Barat ternyata hak sivil dan politik gagal menyekat ledakan penafian hak-hak ekonomi.

sosial dan budaya sebagaimana hak ekonomi, sosial dan budaya gagal menjamin hak sivil dan politik dalam peradaban bukan Barat. Peradaban-peradaban juga turut dilanda dilema antara hak individu dengan hak masyarakat dan hak dengan tanggungjawab. Sebahagian besar hak masyarakat dicabul kerana kebebasan individu dan sebahagian besar pencabulan ke atas hak individu berlaku kerana kononnya untuk mempertahankan hak masyarakat. Yang pasti, kerana gagal membezakan antara hak dan tanggungjawab maka banyak aspek hak asasi manusia dicabul.

Kelima, hak asasi manusia bukan lagi merupakan satu krisis kemanusiaan semata-mata tetapi telah mengambil peranan merangsang pertembungan antara peradaban. Perbezaan pendapat dan amalan tentang hak asasi manusia telah menjadi satu senjata politik bagi peradaban-peradaban tertentu untuk menyerang peradaban yang lain. Barat mengkritik keras sikap peradaban bukan Barat kerana mengabaikan hak sivil dan politik, sebaliknya bukan Barat pula mendakwa Barat adalah peradaban yang bangkrup kerana gagal menangani masalah ekonomi, sosial dan budaya masyarakatnya. Dalam persaingan antara ideologi juga, isu-isu hak asasi manusia turut dibangkitkan yang secara tidak langsung meningkatkan suhu pertembungan peradaban.

Dan yang terakhir, bahawa peradaban pada hari ini telah mengalami cabaran yang paling sengit akibat pemusnahan nilai-nilai kemanusiaan. Asas utama kemanusiaan yang digariskan pada 1948 iaitu kebebasan, keadilan dan keamanan

telah diporak-perandakan di seluruh dunia. Kebebasan disekat, keadilan dinafikan dan keamanan dimusnahkan sehingga harga diri dan maruah manusia sebagai insan dan aktor utama peradaban telah lumpuh. Tanpa kebebasan, keadilan dan keamanan, kemanusiaan sesebuah peradaban akan hilang dan akan mendorong semua unsur peradaban yang lain termasuk kebudayaan, ilmu, prasarana dan teknologi turut sama musnah. Kemusnahan ini bermakna kemusnahan peradaban.

Akhirnya, dapat disimpulkan bahawa pencabulan ke atas hak asasi manusia yang berlaku semenjak daripada peradaban awal manusia hingga ke hari ini telah menjadikan peradaban yang wujud kini hilang nilai kemanusiaan. Krisis hak asasi manusia telah melibatkan semua pihak termasuk regim antarabangsa dan ia berlarutan dalam tempoh yang sangat panjang sehingga peradaban manusia tidak lagi menikmati hak, kebebasan, keadilan dan keamanan. Fenomena ini merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh peradaban masa kini.

5.2 CADANGAN

Bagi tujuan kajian akan datang, kajian ini mengemukakan beberapa pandangan kepada para pengkaji akan datang sebagai satu cadangan dalam meluaskan lagi kajian tentang hak asasi manusia terutama dalam konteks pengajian peradaban. Kajian ini mencadangkan supaya kajian akan datang memberikan tumpuan kepada pembongkaran isu-isu hak asasi manusia dalam sejarah peradaban awal manusia. Dokumen tentang hak asasi manusia pada period ini tersangat sedikit

kecuali tentang peradaban Greek. Walaupun terdapat catatan tentang beberapa undang-undang dan agama pada zaman itu tetapi ia masih belum memberikan gambaran yang sebenar tentang kedudukan hak asasi manusia ketika itu. Bahkan sebahagian besar pengkaji hanya menyimpulkan bahawa peradaban awal ini tidak mengambil berat soal hak asasi dengan merujuk kepada isu-isu perhambaan, pembunuhan, perperangan dan sebagainya. Walhal semua ini mungkin hanya mewakili zaman-zaman pemerintah tertentu seperti Firaun, Namrud dan sebagainya dan ia tidak menggambarkan sikap sebenar peradaban-peradaban tersebut.

Kajian akan datang juga boleh menumpukan kepada pengeledahan isu-isu hak asasi manusia yang berlaku pada hari ini dengan memfokuskan kepada peradaban-peradaban tertentu. Setiap peradaban mempunyai pendirian yang tersendiri terhadap konsep hak asasi manusia. Dan tanggapan ini mempengaruhi tindakan mereka dalam amalan hak asasi manusia. Tumpuan mungkin juga boleh diberikan mengikut blok politik, blok ekonomi dan blok ketenteraan. Agama dan keserantauan boleh dijadikan skop dalam penyelidikan tentang hak asasi manusia. Dakwaan bahawa semua peradaban mengalami pencabulan hak asasi manusia sebenarnya mendesak kajian dibuat berdasarkan peradaban tertentu secara khusus bagi membuktikan dakwaan ini.

Para pengkaji akan datang juga boleh menumpukan kajiannya berdasarkan kategori-kategori hak asasi manusia seperti hak sivil, politik, ekonomi, sosial dan

budaya. Kajian perlu difokuskan kepada isu-isu dalam kategori-kategori tersebut kerana hak asasi manusia dalam setiap kategori telah dicabul. Kajian terhadap hak sivil, politik atau budaya secara khusus akan membongkar pencabulan hak-hak tersebut secara keseluruhan dan dapat dibuat penilaian tentang sikap sesebuah peradaban dalam menanggapi hak-hak tersebut. Kajian yang lebih menarik tetapi agak rencam boleh juga dibuat dengan menumpukan kepada perselisihan pandangan peradaban-peradaban tentang interpretasi hak asasi manusia. Banyak pengkaji membuat kesimpulan tentang wujudnya perbezaan pandangan peradaban-peradaban mengenai makna hak asasi manusia. Bahkan perselisihan ini telah menjadi senjata politik antara peradaban.

5.3 PENUTUP

Keseluruhannya, setelah merenungi beberapa rumusan yang dapat dibuat terhadap kajian tentang krisis hak asasi manusia dalam peradaban hari ini, sangat jelas menunjukkan bahawa peradaban manusia hari ini sedang mengalami satu hambatan yang besar. Hak asasi manusia telah mengalami pencabulan yang serius sehingga ia memberi kesan yang buruk terhadap peradaban hari ini. Peradaban telah mengalami masa depan yang kabur tanpa kemanusiaan, hak asasi manusia, kebebasan, keadilan dan keamanan. Inilah cabaran yang terpaksa dipikul oleh peradaban masa kini.